**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022**
**TASAWWUR ISLAM**

**Bahagian A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | Akhlak | 11 | B /C - mengagungkan Allah / Bersifat menyeluruh fizikal dan rohani |
| 2 | Pemaaf | 12 | D : Kesaksian / Pembuktian |
| 3 | Akal | 13 | E : Kesaksian / Pembuktian |
| 4 | Segumpal tanah | 14 | Keadilan (Al-Adalah)/Kebebasan (Al-Hurriyyah)/Persamaan(Al-Musawah) |
| 5 | Perkara Ghaib/Ghaibiyyah | 15 | Keadilan (Al-Adalah) /Kebebasan (Al-hurriyyah) /Persamaan(Al-Musawah) |
| 6 | Asnaf | 16 | Keadilan (Al-Adalah) /Kebebasan (Al-Hurriyyah) /Persamaan(Al-Musawah) |
| 7 | Pekerjaan | 17 | √ |
| 8 | jizyah | 18 | X |
| 9 | Saling mamahami / Tafahum | 19 | X |
| 10 | B /C - mengagungkan Allah / Bersifat menyeluruh fizikal dan rohani | 20 | √ |

**Bahagian B**

| Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | (a) | i. | Maksud Ibadat :<br>Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT | 1 isi x 2 markah = 2 markah |
| | | ii. | **Dua** pembahagian ibadat beserta contoh:<br>• Ibadah umum, contoh: belajar,bekerja sebagai doktor, sedekah dll<br>• Ibadah khusus , contoh: solat, puasa, solat sunat dll | 2 isi x 2 markah = 4 markah |
| | (b) | | Contoh jawapan<br>Tindakan yang boleh diambil oleh saya ialah berhenti daripada bermain bola sepak (I) untuk menghormati seruan azan dan Kemudian mengajak rakan-rakan dengan berhemah agar mereka berhenti untuk menunaikan solat asar secara berjemaah (H). Hal ini kerana solat adalah satu kewajipan bagi umat Islam (HL) Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah menunaikan pe rintah Allah dengan sempurna dan solat pada awal waktu agar hidup kita diberkati Allah SWT (K). | 4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K |
| | (c) | i. | Dua prinsip asas ekonomi Islam :<br>1. Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras<br>• <u>Penghayatan iman</u>, hari akhirat serta patuhi syariat dalam kegiatan ekonomi.<br>• <u>Mengamalkan akhlak Islam</u> dalam kegiatan ekonomi.<br>2. Manusia sebagai Khalifah<br>• Allah SWT pemilik segala-galanya, manusia sebagai <u>pemegang amanah</u>.<br>• Makhluk-makhluk lain dicipta untuk memenuhi keperluan manusia. | 2 isi x 1 markah = 2 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3. Pekerjaan dan ganjaran<br>• Manusia perlu bekerja dan berusaha bagi menjana pendapatan.<br>• Penglibatan dalam kegiatan ekonomi dikira sebagai ibadat dan majikan perlu beri ganjaran yang setimpal.<br><br>4. Keuntungan dan kerugian<br>• Keuntungan dan kerugian dalam ekonomi adalah perkara lumrah (biasa).<br>• Mekanisma mudarabah dan musyarakah digalakkan bagi penuhi prinsip ini. (kongsi modal dan kepakaran untuk berniaga)<br><br>5. Keadilan sosial<br>• Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat.<br>• Keperluan asasi manusia seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara.<br><br>6. Larangan kerosakan dan kezaliman<br>• Sebarang bentuk kerosakan kepada manusia atau alam sekitar hendaklah dielakkan.<br>• Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi.<br>• | |
| | | C<br>ii. | Matlamat pembangunan sistem ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.<br><br>**Dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam:<br><br>• Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahyu Allah SWT.<br>• Berteraskan dan akhlak Islam<br>• Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam.<br>• Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (daruriyat) dan keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat).<br>• Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. | 2 isi x 2 markah<br>= 4 markah<br>2I+ 2H |
| | | d<br>i. | **Dua** jenis sistem ekonomi konvensional yang ditentukan oleh manusia:<br>• Kapitalis<br>• Komunis<br>• Sosialis<br>• Campuran | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | Ii | Bentuk-bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam sistem ekomoni Islam:<br>• Mengamalkan **riba** dalam memberi pinjaman.<br>• Me**nipu** dalam sukatan dan timbangan.<br>• Memberi **rasuah** dan menerima rasuah.<br>• **Menganggur** dan tidak mahu bekerja.<br>• Melanggar **hak cipta©** | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| 2. | (a) | i. | Maksud akal :<br>• Keupayaan berfikir yang dikurnia Allah kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan. | 2 isi x 1m<br>= 2 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ii. | **dua** implikasi manusia yang menggunakan fungsi akal berpandukan wahyu Allah<br><br>• Ibadah diterima Allah<br>• Mendapat pahala<br>• Menlahirkan insan yang berakhlak mulia<br>• Mencegah seseorang melakukan kemungkaran | 2 isi x 2m<br>= 4 markah |
| | | iii. | **dua** perkara yang boleh merosakkan akal :<br>• Penggunaan bahan terlarang / seperti dadah<br>• Gejala negatif dan maksiat / seperti menonton vodeo lucah<br>• Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan / seperti arak<br>• Memikirkan perkara di luar kemampuan akal / seperti memikirkan zat Allah | 2 isi x<br>2<br>markah<br>= 4 markah<br>2I + 2H |
| | (b) | i. | maksud perundangan Islam :<br>• Hukum-hukum yang ditetapkan Allah kepada manusia yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, jenayah dan lain-lain | 1 isi x<br>2<br>markah<br>= 2 markah |
| | | ii. | **Dua dua** sumber utama sistem perundangan Islam.<br>• Al-Quran<br>• AlSunnah<br>• Al-ijmak<br>• Al-Qias | 2 isi x<br>1<br>markah<br>= 2 markah<br>1I + 1H |
| | (c) | | Hukuman Islam bersifat memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama. Bincangkan kebenarannya,.,.<br><br>Setiap hukum Islam memberi peringatan kepada semua pihak bahawa jenayah adalah suatu kesalahan/ (1SI) melalui tindakan yang menginsafkan/ (H1) seperti potong tangan kepada pesalah mencuri / (H2). Hukuman ini akan kekal kepada pesalah dan sentiasa menjadi amaran kepada ramali orang supaya tidak melakukan jenayah tersebut/ (H3). Sekiranya hukuman Islam dilaksanakan pasti menimbulkan kegerunan kepada masyarakat /(H4). Maka, kita hendaklah memalihara diri dari melakukan kemungkaran agar sentiasa berada dalam perlindunagn Allah S.W.T/ (K) | 1 isi<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>K<br>= 6 markah |
| 3. | (a) | i. | konsep sistem sosial Islam.<br>• Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sma lain. | 1 isi x<br>2<br>markah<br>= 2 markah |
| | | ii. | **Dua** matlamat sistem sosial Islam.<br>• Mendapat keredaan Allah<br>• Memakmurkan alam mengikut islam serta Melaksanakan tugas sebagai khalifah<br>• Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaiknya<br>• Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup dunia akhirat | 2 isi x<br>1<br>markah<br>= 2 markah |
| | b | i | **dua** jenis hiburan yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah S.W.T :<br>• alunan zikir / qasidah<br>• nasyid<br>• musabaqah al-quran | 2 isi x<br>2<br>markah<br>= 2 markah |

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>ii.</td><td>Ahmad ingin menyertai pertandingan uji bakat nyayian peringkat negeri. Ayahnya telah memberi beberapa syarat bagi membenarkan Ahmad menyertai pertandingan tersebut. Cadangkan syarat yang patut ayah Ahmad kemukakan agar menepati panduan hiburan menurut Islam.<br><br>• Menjaga waktu solat dengan tidak mengabaikannya<br>• Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat agar nama baik keluarga terpelihra<br>• Menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan agar maksiat dapat dielakkan<br><br># Mana-mana jawapan munasabah diterima</td><td>3 isi<br>3 H<br>= 6 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>i</td><td>maksud syura ialah :<br><br>- Setiap keputusan dicapai dalam mesyuarat yang dijalankan</td><td>1 isi x<br>2<br>markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>dua etika tadbir urus Islam selain integriti ialah :<br>• <u>Efektif (</u><u>Hasil tercapai</u><u>)</u><br>Efisien (cekap) dan konsisten (tekal) dalam menghasilkan impak (kesan) yang<br>cemerlang.<br><br>• <u>Amar makruf dan nahi mungkar</u><br>Membudayakan nilai murni dalam tadbir urus.<br><br>• <u>Sistematik</u><br>Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.</td><td>c</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>Huraikan dua implikasi terhadap oganisasi tempat Ali bekerja sekiranya sikap beliau tidak dibendung.<br>• Organisasi akan kerugian tenaga kerja kerana ali membuang masa dengan mencuri tulang<br>• Prodiktiviti yang dihasilakn merosot kerana tiada pemantauan terhadap pekerja<br>• Menimbulakn ketidakpuasan hati pekerja lain kerana sikap Ali yang tidak bertanggungjawab<br><br># Mana-mana jawapan munasabah diterima</td><td>2 isi x<br>2<br>markah<br>= 4 markah<br>2isi + 2 H</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>(a)</td><td>i.</td><td>maksud murunah :<br>- Luwes atau anjal, iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap atas prinsip asasnya</td><td>2 isi x<br>1<br>markah<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii.</td><td>Jelaskan dua ciri-ciri prinsip murunah dalam pandangan hidup Islam.<br>- Islam agama yang mudah.<br>- Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan.</td><td>2 isi x<br>2<br>markah<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii.</td><td>Dua perbezaan antara murunah dan thabat:
<table>
<tr><th>Murunah</th><th>Thabat</th></tr>
<tr><td>Luwes atau anjal</td><td>Tetap dan teguh</td></tr>
<tr><td>boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.</td><td>perkara yang tetap (qat'iyy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam.</td></tr>
</table></td><td>4 isi x<br>1<br>markah<br>= 4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | i. | **Dua** kesan jika seseorang tidak bermuamalat dengan muamalat Islam :<br>• Dilaknat oleh Allah kerana ingkar perintahnya<br>• Jiwa menjadi resah kerana harta ditipu boleh orang lain<br><br># Mana-mana jawapan munasabah diterima | 2 isi<br>2 H<br>= 4 markah |
| | | ii | Apakah yang wajar dilakukan oleh Anita. Kemukakan pandangan anda.<br><br>Anita boleh mengadu kepada syarikat tersebut untuk menghantar barangan yang sebenar (isi) agar keduabelah pihak dapat dapat menjalankan muamalat dengan baik (H1). Hal ini dapat menjaga nama baik syarikat tersebut (H2) kerana prihatin terhadap kesilapan yang dilakukan (H3). Kesannya, Anita akan mendapat ganti barangan yang diperlukan tanpa mengenakan bayaran tambahan (H4). Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dalam urusan jual beli agar rezeki yang diperolehi diberkati Allah.(K) | 6 markah<br><br>Isi<br>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>K |
| 5. | (a) | i. | Maksud manusia sebagai hamba Allah S.W.T ialah :<br>manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah dengan mematuhi suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya | 2 isi x<br>1<br>markah<br>= 2 markah |
| | | ii. | **Du**a tujuan penciptaan manusia :<br>• **Abdi :** mengabdikan diri kepada Allah<br>• **Makmur** bumi : memakmurkan bumi Allah mengikut syariat | 2 isi x<br>markah<br>= 2 markah |
| | | iii. | Jelaskan bagaimana anda menjadikan Al-Quran sebagai suatu tabiat dalam kehidupan.<br><br>Contoh jawapan :<br>Saya akan membuat jadual peribadi (I) dengan menjadikan membaca Al-Quran selepas solat maghrib sebagai rutin harian. Hal ini akan bertujuan menarik minat saya mendalami dan mentafsirkan Al-Quran dengan mendalam.(HL). Oleh itu, sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan Al-Quran sebagai pedoman hidup agar diredhai Allah.(K) | 1 isi<br>I H<br>1HL<br>1K<br>= 4 markah |
| | c | i | hakim mesti berkebolehan dalam berijtihad.<br>• Supaya hakim dapat membuat keputusan yang bijak/ demi menyelesaikan masalah secara menyeluruh | 1 isi x 2m<br><br>= 2 markah |
| | | ii | dua hikmah hukuman yang diterima seorang pesalah yang telah disabitkan hukuman ;<br>- Memberi pengajaran kepada pesalah agar tidak mengulagi jenayah tersebut<br>- Memberi kesedaran kepada pesalah untuk berusaha membetulkan sikap ke arah yang lebih baik<br><br># Mana-mana jawapan munasabah diterima | 2 isi<br>2 h<br>= 4 markah |
| | | Iii | klasifikasi hukuman jenayah dalam Islam :<br>• Hudud<br>• Qisas<br>• Takzir<br>• Diat | 4 isi x 1m<br><br>= 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | i. | **Dua** adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam :<br>(a) Berpandukan AQ n AH = AH<br>(b) Menghormati pelbagai budayan adat =H<br>(c) Perhubungan atas dasar iman n takwa kpd Allah =H<br>(d) Mengutamakan kepentingan umum berbanding individu=Ku<br>(e) Mengamalkan **akhlak mulia** setiap masa = A | 1 isi x 2 markah = 2 markah |
| | | ii. | **Dua** hak asasi manusia di dalam Islam bagi menjalani kehidupan yang sejahtera<br>**Hak Asasi Manusia :** kebebasan **ASNHHA**<br>• kebebasan ber**agama**<br>• kebebasan ber**suara**<br>• perlindungan **nyawa**<br>• ke**hormat**an diri<br>• pemilikan **harta**<br>• ke**aman**an n keselamatan | 2 isi x 1 markah = 4 markah |
| | (b) | i. | **Tiga** asas pergaulan dalam Islam :<br>• saling **Mengenali (Ta'aruf)**<br>• saling **memahami (Tafahum)**<br>• saling **bekerjasama (Ta'awun)** | 4 isi x 1 markah = 4 markah |
| | | ii. | **Dua** etika sebagai seorang hakim<br>• Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh (1m) supaya wujud keadilan (1m).<br>• Hakim hendaklah jujur (1m) supaya kewibawaannya dihormati (1m).<br>• Hakim dilarang mensabit kesalahan jika ada keraguan (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan (1m).<br>• Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga (1m) supaya keputusan yang dibuat tepat (1m). | 2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H |
| | (c) | | Contoh jawapan<br>Perintah di atas perlu dilaksanakan kerana hukuman di dalam Islam bersifat memberi pengajaran (I). Hal ini kerana kesannya yang lebih sebagai pencegah dan penghalang (H1) dari mengulangi kesalahan yang sama (H2). Selain itu, pesalah akan rasa tercela, terhina dan terdedah keaiban (H3). Kesannya, pesalah akan berasa insaf dan tidak akan mengulangi perbuatan dosa tersebut lagi (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu mematuhi perintah Allah SWT agar memperoleh keampunan dan rahmat daripada-Nya (K) | 6 isi x 1 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**